



قوسٲ كبعساٲ اءىء كراجان

PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
E-GOVERNMENT NATIONAL CENTRE

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SURAT PEMBERITAHUAN
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
BILANGAN 01/2024

Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Dimuliakan / Yang Mulia
Setiausaha-Setiausaha Tetap
Ketua-Ketua Jabatan
Negara Brunei Darussalam

Pengiran/Pehin/Dato /Datin/Tuan/Puan,

TATACARA PEROLEHAN PERISIAN MICROSOFT DIBAWAH
MICROSOFT ENTERPRISE AGREEMENT (MSEA)

Dengan hormatnya sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun menandatangani pembaharuan kontrak Microsoft Enterprise Agreement (MSEA) bersama dengan Syarikat Microsoft (Brunei) Sdn Bhd bagi tempoh tiga (3) tahun mulai dari 1 November 2023 hingga 31 Oktober 2026.

2. Untuk makluman, Kontrak MSEA adalah merupakan satu perjanjian yang membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendapatkan perisian produk-produk Microsoft dengan kadar harga yang ditentukan dengan faedah *Software Assurance* (SA), iaitu jaminan perisian yang diberikan oleh Microsoft bagi struktur perlesenan secara *Enterprise Agreement Perpetual*.

3. Bersama ini disertakan garispandu mengenai tatacara perolehan perisian Microsoft di bawah Microsoft Enterprise Agreement (MSEA) berserta dengan kadar harga dan senarai produk-produk Microsoft.

4. Surat Lembaga Tawaran Kecil (LTK) bilangan: (06)KPH/S/LTK/EGNC/PM/4.1/3.2023 bertarikh 15 Jamadilawal 1445 / 29 November 2023 adalah berkenaan dan dirujuk.

Sekian sahaja yang dapat disebarkan/dimaklumkan untuk perhatian dan makluman Tuan Peramba/Pehin/Dato/Datin/Tuan/Puan mengenainya.

"Hubungan Erat Mengukuhkan Kesihatan dan Kesejahteraan"

[HJH MONA NURDIYANA BINTI HJ MOHAMAD]

Pemangku Pengarah

Rujukan Kami : (66)EGNC/SK/1

Tarikh : 8 Syawal 1445/ 18 April 2024

s.k.: - YM Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.